

BERITA HARIAN

DATE: 4 / 11 / 2007

# PM puji cara Melaka pungut cukai

Oleh Misiah Taib  
dan Badrul Hizar Ab Jabar

**M**ELAKA: Kejayaan Melaka mencafatkan pungutan cukai paling tinggi di negara ini, berjumlah RM1.6 bilion mendapat pujian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Negeri Melaka 2007, lewat petang semalam.

Dalam ucapan ringkasnya pada majlis yang berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) itu, Perdana Menteri berkata, biarpun Melaka hanya sebuah negeri kecil, sejak beberapa tahun pungutan cukai negeri itu adalah tertinggi berbanding negeri lain.

"Walaupun nampak macam tidak ada perusahaan (di Melaka) tetapi

pungutan cukainya yang paling tinggi di negara kita.

"Banyak negeri lain hasilnya kurang dari 2005. Tetapi Melaka melonjak dengan begitu tinggi (pada 2006), mungkin ada sesuatu yang Kerajaan Melaka lakukan hingga mencatat pungutan hasil lebih tinggi daripada negeri lain.

"Saya ucapkan tahniah, mudah-mudahan usaha membangunkan negeri ini lancar dan akan menjadikan Melaka, walaupun kecil tetapi tinggi nilai pembangunannya. Inilah yang saya harapkan," katanya pada majlis dihadiri lebih 10,000 orang masyarakat pelbagai kaum di negeri ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri Datin Seri

Asmah Rahman serta Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn.

Perdana Menteri berharap semangat Aidilfitri dapat terus mengeratkan persahabatan sesama ummah di negara ini.

"Kita ingin melihat negara ini, yang rakyatnya berbilang kaum, bersatu, erat hubungan persahabatan dan sama-sama menyumbang kerja untuk masa depan yang lebih baik," katanya.

Terdahulu, ketika bangun berucap, Abdullah menegur sistem bunyi di dewan MITC, bangunan berharga RM61.7 juta itu, yang menurutnya tidak begitu baik dan perlu diperbetulkan.

"Saya cadangkan supaya sistem bunyi atau akustik bagi dewan ini di-

perbetulkan supaya siapa yang datang biar duduk di mana sekalipun, boleh mendengar ucapan dengan jelas, pada masa depan.

"Ini amat penting kerana dewan ini sentiasa digunakan untuk pertemuan yang membabitkan ribuan jempitan. Saya nak cakap panjang pun orang tak boleh nak dengar kerana akustik kita hari ini terganggu," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menerima sumbangan 37 mesin haemodialisis untuk Hospital Pakar Putra sumbangan agensi kerajaan, syarikat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan serta menyampaikan sumbangan komputer kepada lapan rumah anak yatim, yang akan memberi manfaat kepada 530 anak yatim di negeri ini.